



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
CAWANGAN KENINGAU

Tingkat 2, Rumah Persekutuan,  
Beg Berkunci No.5  
89008 Keningau,  
Sabah

Tel : 087 - 331 245 / 339 960  
Faks : 087 - 330 449  
Laman Web : [www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau](http://www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau)



Rujukan : ANM/KGU/600-15/2/1JLD.8(27)  
Tarikh : 26 Januari 2021

Semua PTJ  
Daerah Keningau, Tambunan, Tenom & Nabawan

Tuan

**KAEDAH PEMBAYARAN PEROLEHAN PERSONEL MySTEP DI BAWAH INISIATIF  
SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada Surat Edaran Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP Di Bawah Inisiatif *Short-Term Employment Program* Tahun 2021 rujukan JPA.BK(S)256/21/21(6) bertarikh 18 Disember 2020 dan perkara tersebut di atas.

2. Selaras dengan pelaksanaan inisiatif MySTEP oleh Kerajaan, dimaklumkan bahawa perkhidmatan Personel MySTEP ini dibayar menggunakan **Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan di portal iGFMAS**. Pihak PTJ perlu menyediakan baucar jenis **Invois Tanpa PT (K2)** mengikut tempoh dan syarat yang ditetapkan dalam klausula 5.2 Kontrak Personel MySTEP.
3. Sila gunakan **kod pembekal siri 60** untuk bayaran upah kepada MySTEP. PTJ boleh membuat semakan nombor kad pengenalan di portal iGFMAS > Data Induk > Maklumat Pembekal bagi kesemua Personel MySTEP masing-masing. Personel MySTEP yang tiada kod pembekal siri 60 perlu mendaftar eVendor melalui PTJ dan kemukakan borang dan dokumen sokongan kepada Unit Khidmat Pelanggan Jabatan ini untuk tindakan selanjutnya.
4. Diingatkan juga bahawa **baucar bayaran Jenis M kepada KWSP** dan **baucar bayaran jenis K2 kepada PERKESO** perlu dibuat pada bulan yang sama. Pihak PTJ perlu memastikan Akaun Penyelesaian L1311903 Sumbangan Badan Berkanun di PTJ masing-masing berbaki kosong pada setiap akhir bulan dengan pemantauan Unit Akaun Jabatan ini.
5. Kaedah pembayaran ini berkuatkuasa serta merta bagi pembayaran MySTEP sehingga sebarang perubahan (jika ada) yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Bersama-sama ini disertakan **Lampiran 1 – Panduan Penyediaan Baucar Bayaran Personel MySTEP** untuk rujukan tuan/puan selanjutnya.

Rujukan : ANM/KGU/600-15/2/1JLD.8(27)  
Tarikh : 26 Januari 2021

6. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan pegawai berikut di talian 087-331245 atau emel ke pcaw\_kgu@anm.gov.my;

- 6.1 Unit Khidmat Pelanggan Pn. Sherolanti Joachim
- 6.2 Unit Akaun Pn. Lennylia Layun John
- 6.3 Unit Gaji Pn. Marylin Wong
- 6.4 Unit Pengurusan Dana Pn. Noraniza Adin

Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”**

Saya yang menjalankan amanah

  
**MIRNAAWATI BINTI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.)**

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Cawangan Keningau